


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir


08  
JUL

## USM PERTAMA MILIKI BIOREAKTOR BERBILANG PROSES: ALAT BANTU HASIL KAJIAN LEBIH MANTAP DAN PANTAS



PULAU PINANG, 8 Julai 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) memperoleh seunit bioreaktor Multifors bernilai RM185,000, menjadikan USM universiti pertama di negara ini yang memiliki kelengkapan canggih untuk memperkasa penyelidikan itu.


Kemudahan tersebut disumbangkan oleh INFORS HT melalui anak syarikatnya di Malaysia, Syarikat Bumi Sains Sdn. Bhd. INFORS HT yang berpengalaman di Switzerland mempunyai pengalaman lebih 45 tahun dalam mereka bentuk bioreaktor bagi kegunaan di seluruh dunia.



Bioreaktor INFORS HT Multifors yang berprestasi tinggi direkabentuk khas untuk menjalankan berbilang bioproses untuk penyelidikan bagi penghasilan pelbagai bahan termasuk probiotik, bioplastik, asid organik, vaksin dan sebagainya.



Dekan PPTI, Profesor Dr. Azhar Mat Easa berkata, kemudahan terkini itu akan membolehkan proses penyelidikan menjadi lebih pantas, mantap dan berkualiti tinggi, selain membantu dalam penghasilan jurnal-jurnal berimpak tinggi.

Katanya, ia turut memberi manfaat yang cukup besar untuk PPTI memacu program Teknologi Bioproses yang baru tujuh tahun dimulakan melalui aktiviti pengajaran dan penyelidikan termasuk di peringkat ijazah pertama, sarjana dan kedoktoran.




``Sumbangan ini hanya sebahagian daripada sokongan INFORS HT kepada USM. Selain bioreaktor, INFORS HT turut membantu dalam penubuhan Loji Rintis Bioproses dengan menyediakan sistem pempaipan yang dianggarkan berjumlah RM200,000.

“Para pelajar turut didedahkan dengan operasi bioreaktor secara percuma oleh syarikat berkenaan sebagai sokongan padu mereka ke arah memperkukuhkan peranan dan sumbangan akademik kepada dunia,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Penyerahan Bioreaktor INFORS HT Multifors di sini hari ini. Penyerahan tersebut dibuat oleh Presiden Lembaga INFORS HT, Michael Hawrylenko kepada Dekan PPTI.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif INFORS HT, Marcel Brauchli pula berkata, USM dipilih berdasarkan reputasinya yang cukup tinggi dalam arena akademik selain telah lama bekerjasama dengan INFORS HT, iaitu bermula sekitar 2008.



Katanya, sumbangan tersebut diharap dapat meningkatkan kualiti penyelidikan di USM dan hasil penyelidikan mampu diterbitkan dalam jurnal-jurnal bertaraf antarabangsa. Teks: Marziana Mohamed Alias/Foto: Mohd. Fairus Md. Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015